

6 Jun 2017

Semua Ketua Penyelidik
Kampus Induk/ Kejuruteraan/ Kesihatan/ IPPT
Universiti Sains Malaysia

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2017 :
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2017**

Dengan hormatnya perkara di atas serta surat kelulusan Timbalan Naib Canselor bertarikh 6 Jun 2017 dirujuk. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan selaras dengan pekeliling di atas, **semua staf projek yang dilantik oleh bahagian ini** yang mana dalam kontraknya sedang berkhidmat pada 2 Jun 2017 boleh dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 ini sebanyak RM500.00.

3. Untuk makluman, Ketua Penyelidik diminta untuk memastikan peruntukan di bawah Vot 11000 projek masing-masing mencukupi bagi membolehkan pembayaran dilaksanakan. **Sila rujuk Pekeliling yang dinyatakan untuk pemahaman yang lebih terperinci mengenai bayaran dan ianya boleh dimuat turun di pautan <http://www.jpa.gov.my/>** Ketua Projek adalah dipertanggungjawabkan atas akauntibiliti berkaitan perakuan pembayaran imbuhan ini.

4. Adalah dimaklumkan juga bahawa semua bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2017 bagi Kampus Kesihatan akan diuruskan oleh Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan dan semua maklum balas oleh Ketua Penyelidik dari Kampus Kesihatan boleh dihantar terus ke Jabatan Pendaftar Kampus Kesihatan.


5. Bayaran ini melibatkan staf projek yang dilantik melalui sumber RU, SCIENCE FUND, PRGS, LRGS, APEX DE, IReC, Geran Jangka Pendek & Agensi Luar sahaja. Bayaran Imbuhan ini akan dibuat bayaran setelah RCMO menerima maklum balas daripada Ketua Projek melalui borang yang dilampirkan. Pembayaran adalah bersifat *optional* kepada ketua projek, sekiranya Ketua projek tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi atau tidak mahu bayaran dibuat atas faktor lain, atau tidak mengembalikan maklum balas, pihak RCMO tidak akan membuat apa-apa bayaran kepada staf projek

6. Bahagian ini juga hanya akan memproses bayaran bagi staf projek yang dilantik oleh bahagian ini sahaja, bagi pemegang **Skim Siswazah Pembantu (GRA)** adalah **TIDAK LAYAK** untuk bayaran ini. Pembayaran juga hanya akan diterima daripada projek terakhir staf berkhidmat sahaja. **Maklum balas juga perlu dikembalikan kepada bahagian ini dalam format borang yang telah ditetapkan sahaja bukan melalui surat atau makluman lain dan bukan dikembalikan kepada Jabatan Bendahari.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'

Yang menjalankan tugas,



(PROFESOR DR. LEE KEAT TEONG)
Pengarah